



POLITIK ANAK MUDA

MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi berperlembagaan yang mengamalkan sistem pilihan raya sejak tahun 1955. Sebelum ini, had umur warganegara Malaysia yang layak mengundi dalam pilihan raya ialah 21 tahun. Walau bagaimanapun, kelayakan had umur tersebut diturunkan kepada 18 tahun, dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Namun demikian, ada pihak yang mempersoalkan kematangan remaja 18 tahun dalam membuat pilihan yang tepat.

Secara umumnya, remaja 18 tahun sudah dibenarkan untuk berkahwin, mendapatkan lesen kenderaan, malah boleh dipenjarakan atau dikenakan hukuman mati jika sabit kesalahan membunuh. Bahkan, ada segelintir remaja 18 tahun sudah menguruskan perniagaan atau perusahaan sendiri. Hal ini membuktikan, kerajaan atau masyarakat sudah mengiktiraf remaja 18 tahun sebagai dewasa yang matang dalam berfikir serta membuat keputusan.

Di negara Eropah, remaja 18 tahun telah diberi kepercayaan untuk mengundi sejak beberapa dekad yang lalu. Situasi yang sama berlaku di Indonesia apabila remaja 17 tahun dibolehkan membuang undi. Penurunan had umur mengundi ini

membuktikan hal yang melibatkan generasi muda merupakan isu yang serius, contohnya isu pengangguran siswazah. Justeru, adakah wujud perbezaan antara remaja kita dengan remaja negara lain, dan mengapakah anak muda kita tidak diberi peluang untuk memilih pemimpin?

Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat implikasi buruk daripada cadangan ini. Misalnya, bagaimanakah jika pilihan undi remaja 18 tahun dipengaruhi oleh ibu bapa mereka? Kebanyakan remaja 18 tahun masih ditanggung oleh ibu bapa mereka dari segi pendidikan, pakaian, makan minum dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, pengaruh dan keputusan ibu bapa berupaya mempengaruhi diri mereka dalam proses membuang undi yang menyebabkan undi tersebut bukannya datang daripada pilihan hati mereka, sebaliknya refleksi ideologi politik dewasa ibu bapa mereka.

Selain itu, adakah remaja 18 tahun mampu menggalas tanggungjawab sebagai wakil rakyat? Hal ini dikatakan demikian kerana, wakil rakyat mempunyai peranan yang besar dalam membantu rakyat. Selain itu, tidak semua remaja 18 tahun boleh berfikir matang, terutamanya apabila melibatkan rahsia penting negara. Atau adakah

remaja berusia 18 tahun mampu berdebat di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dengan baik?

Walaupun bagaimanapun, ada beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan dalam memastikan idea ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya, menyediakan subjek yang berkaitan dengan pilihan raya di sekolah. Selain itu, kerajaan juga boleh menghadkan peranan remaja 18 tahun dalam politik. Misalnya, dengan hanya membenarkan mereka mengundi dan bukannya menjadi calon wakil rakyat yang bertanding dalam pilihan raya. Hal ini disebabkan oleh, kebanyakan mereka masih belum bersedia untuk memikul dan menggalas amanah dan tanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat memandangkan majoriti mereka masih melanjutkan pengajian pada peringkat universiti atau masih baru berjinak-jinak dalam dunia pekerjaan dan pastinya belum mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan kukuh.

Tuntasnya, proses menurunkan had umur mengundi di Malaysia daripada 21 tahun kepada 18 tahun merupakan idea yang wajar dan patut diteruskan dengan pelaksanaan pelbagai penambahbaikan seperti yang dinyatakan dalam penulisan ini. **ds**